



IKUTLAH AKU

—Untuk Kuorum
Penatua dan
Lembaga
Pertolongan

*Sumber-sumber ini didapati di aplikasi
Gospel Library dan di comefollowme.lds.org*

Mengapa Kita Mengadakan

Mesyuarat Kuorum Penatua dan Lembaga Pertolongan?

Di zaman akhir ini, Tuhan telah memulihkan imamat dan mengorganisasikan kuorum-kuorum imamat dan Lembaga Pertolongan untuk membantu melaksanakan pekerjaan keselamatan-Nya. Oleh kerana itu, setiap Hari Ahad apabila kita berkumpul di mesyuarat kuorum penatua dan Lembaga Pertolongan, kita berkumpul untuk berbincang dan merancang bagaimana kita hendak melaksanakan pekerjaan Tuhan. Supaya lebih berkesan, mesyuarat-mesyuarat seperti ini perlulah menjadi lebih baik dari kelas-kelas biasa. Terdapat banyak peluang untuk membincangkan tentang pekerjaan keselamatan, mempelajari mengenai itu daripada ajaran-ajaran pemimpin Gereja, merancang dan mengatur untuk melaksanakan itu.



Mesyuarat Majlis

Hari Ahad Pertama

Pada Hari Ahad pertama setiap bulan, mesyuarat kuorum penatua dan Lembaga Pertolongan *tidak akan termasuk pelajaran yang diajar oleh pengajar*. Sebaliknya, presidensi kuorum penatua dan Lembaga Pertolongan memimpin mesyuarat-mesyuarat majlis. Pada mesyuarat majlis Hari Ahad pertama, setiap kuorum penatua dan Lembaga Pertolongan akan berbincang tentang tanggungjawab-tanggungjawab tempatan, peluang, dan cabaran-cabaran; mempelajari dari pandangan dan pengalaman sesama; serta membuat rancangan untuk bertindak atas ilham-ilham yang diterima daripada Roh. Perbincangan-perbincangan ini perlu berdasarkan tulisan suci dan ajaran yang berkenaan oleh nabi-nabi hidup.

Tidak semua mesyuarat majlis akan kelihatan sama. Di sini ada beberapa garis panduan untuk membantu presidensi-presidensi memimpin sebuah majlis dengan berjaya.



TOPIK-TOPIK UNTUK MESYUARAT MAJLIS HARI AHAD PERTAMA

Idea-idea topik perbincangan mesyuarat majlis mungkin datang dari mesyuarat presidensi, mesyuarat majlis bahagian, rancangan kawasan, ilham pemimpin atas pelayanan kepada ahli-ahli, dan ilham dari Roh Kudus. Berikut adalah topik-topik cadangan. Pemimpin perlu peka terhadap keperluan lain yang perlu disampaikan.

- Bagaimanakah kita melayani orang di sekeliling kita? (lihat Mosia 23:18).
- Bagaimanakah kita dapat mengutamakan semua tanggungjawab kita yang berbeza?
- Bagaimanakah kita akan berkongsi injil kepada kawan-kawan dan jiran-jiran kita? (lihat Alma 17).
- Bagaimanakah kita dapat melindungi diri sendiri dan keluarga kita daripada media yang tidak senonoh dan pornografi?
- Apakah yang dapat kita lakukan untuk membimbing dan menguatkan anak-anak kita dan remaja dalam bahagian kita?
- Bagaimanakah kita dapat lebih melibatkan diri dalam pekerjaan sejarah keluarga dan penyembahan bait suci?
- Bagaimanakah kita boleh mengundang pertolongan Tuhan ketika kita mencari jawapan kepada pertanyaan-pertanyaan injil dan pengertian yang mendalam tentang injil?
- Bagaimanakah kita dapat memperkuatkan kesaksian kita tentang Tuhan dan Injil-Nya serta membantu keluarga kita menjadi berdikari dari segi rohani?

SEBELUM MESYUARAT MAJLIS

Lakukan:

- Mengenal pasti keperluan, peluang dan cabaran tempatan.
- Pilih satu topik untuk bincang dengan penuh doa.
- Mengundang ahli-ahli kuorum dan saudari-saudari Lembaga Pertolongan untuk bersedia dan datang berkongsi fikiran dan pengalaman.

Jangan:

- Menyedia satu pelajaran.
- Datang dengan penyelesaian tertentu atau rancangan tindakan yang tersedia.

SEMASA MESYUARAT MAJLIS

Lakukan:

- Mengundang ahli-ahli untuk **BERKONGSI PENGALAMAN** dimana mereka bertindak atas ilham dan rancangan mereka dari mesyuarat yang lepas.
- Memperkenalkan topik dan menggalak ahli-ahli untuk **BERBINCANG BERSAMA** mengenai itu, mencari penyelesaian dan bimbingan dari tulisan suci, kata-kata para nabi dan Roh Kudus.
- **MERANCANG UNTUK BERTINDAK** pada apa yang telah dibincang. Ini mungkin termasuk rancangan sekumpulan atau rancangan dibuat oleh individu-individu.

Jangan:

- Menguasai perbualan.
- Cuba meyakinkan orang lain tentang idea-idea anda.
- Bincang tentang hal-hal sensitif atau isu-isu peribadi.
- Mengajar satu pelajaran.
- Memaksa sesiapa untuk menyertai.

SELEPAS MESYUARAT MAJLIS

Lakukan:

- Membuat susulan pada rancangan dan tugas yang dibuat semasa mesyuarat majlis.
- Cari cara untuk melibatkan mereka yang tidak dapat hadir mesyuarat itu kerana panggilan atau sebab lain. Memberitahu mereka tentang rancangan yang telah dibuat.
- Setiap ahli berpeluang untuk berkongsi pengalaman dalam mesyuarat yang akan datang.

“Salah satu perkara indah dengan mesyuarat majlis ini adalah anda boleh buat satu rancangan tindakan pada akhir mesyuarat ini.

—Sister Jean B. Bingham, Presiden Umum Lembaga Pertolongan.



Mesyuarat

Hari Ahad Kedua dan Ketiga

Pada Hari Ahad kedua dan ketiga setiap bulan, kuorum penatua dan Lembaga Pertolongan akan mempelajari dari ajaran-ajaran para pemimpin Gereja dari persidangan umum terbaru. *Tumpuan harus diberikan bagi pesanan-pesanan daripada Presidensi Utama dan Kuorum Dua Belas Rasul.* Namun, pesanan daripada persidangan umum terbaru boleh dibincangkan menurut keperluan tempatan dan ilham daripada Roh.

Dalam kebanyakan kes, presidensi kuorum penatua atau Lembaga Pertolongan akan pilih untuk mempelajari pesanan persidangan umum berdasarkan keperluan ahli-ahli, meskipun uskup atau presiden pancang akan memberikan buah fikiran. Pemimpin boleh memilih sebuah pesanan yang berkaitan topik yang dibincangkan di mesyuarat majlis Hari Ahad pertama atau boleh memilih pesanan bertopik lain berdasarkan ilham daripada Roh.

Para pemimpin dan pengajar harus mencari cara-cara untuk menggalakkan ahli-ahli untuk membaca pesanan yang dipilih terlebih dahulu dan datang dengan persiapan untuk berkongsi kebenaran injil serta idea untuk bertindak atas perkongsian. Cadangan aktiviti pembelajaran di bawah, berpandukan asas-asas di dalam *Mengajar dengan Cara Juruselamat*, dapat membantu ahli-ahli mempelajari pesanan persidangan umum.

Dengan cermatnya, carikan cara untuk menggunakan pesanan-pesanan [persidangan umum] dalam malam keluarga anda, pengajaran injil anda, dan perbualan anda dengan keluarga dan rakan.

Presiden Russell M. Nelson,
"Marilah Kita Lakukan," *Liahona*,
Mei 2018, 118.

M. Russell Ballard, "*Kurnia Tuhan yang Berharga*," 9–11

Pesanan Presiden Ballard mengemukakan pelbagai topik—termasuk nabi, iman kepada Kristus, sakramen, pelayanan—dan ahli kuorum atau Lembaga Pertolongan akan mendapati topik berbeza yang sangat bermakna. Jemput ahli-ahli untuk berkongsi sesuatu dari pesanan yang mengilham mereka. Apakah jemputan atau berkat yang dijanjikan terdapat dalam pesanan Presiden Ballard? Sila jemput ahli-ahli untuk merenungkan dalam beberapa minit, apa yang mereka terilham untuk lakukan daripada hasil perbincangan ini.

Gary E. Stevenson, "*Hati seorang Nabi*," 17–20

Untuk membantu ahli-ahli "memahami kebesaran" panggilan seorang nabi baru, anda boleh jemput ahli-ahli untuk membaca pesanan Elder Stevenson, mencari kebenaran

dan wawasan yang membantu mereka memahami kepentingan dan kekudusan proses ilahi itu. Sila jemput ahli-ahli untuk kongsi perasaannya semasa Presiden Nelson disokong sebagai Presiden Gereja dalam perhimpunan khusus. Anda boleh melukiskan satu hati di papan putih dan meminta ahli-ahli menulis perkataan atau frasa yang menggambarkan hati dan ciri-ciri Presiden Nelson. Apakah yang dia ajar telah memberkati kita?

Neil L. Andersen, "*Nabi Tuhan*" 24–27

Berbincang pesanan Elder Andersen dapat menguatkan iman ahli-ahli kepada para nabi hidup. Anda boleh jemput mereka untuk membaca pesannya supaya membantu mereka memahami mengapa Tuhan mempunyai para nabi di bumi dan kenapa kita mengikut mereka? Bagaimanakah kita telah diberkati kerana kita ada seorang nabi? Para ahli boleh berkongsi bagaimana mereka memperolehi

kesaksian bahawa Presiden Russell M. Nelson ialah nabi Tuhan dan Presiden Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir.

David A. Bednar, "*Menjadi Lembut Hati dan Rendah Hati*," 30–33

Untuk menggalakkan perbincangan tentang pesanan Elder Bednar, anda boleh menulis pada papan putih *Lembut hati ialah . . .* dan *Lembut hati bukan . . .* Kemudian ahli-ahli boleh mencari dalam pesanan Elder Bednar dan menulis frasa-frasa yang melengkapkan pernyataan itu pada papan putih. Apa yang kita pelajari dari pesanan ini yang mengilham kita untuk menjadi lebih lembut hati. Apakah contoh-contoh kelembutan hati yang kita boleh fikirkan? Bagaimanakah kita dapat mengaplikasikan nasihat Elder Bednar supaya menjadi lebih lembut hati?

Bonnie L. Oscarson, *"Remaja Puteri Dalam Pekerjaan,"* 36–38

Memberi soalan-soalan adalah satu cara yang menggalakkan renungan. Sila menulis pada papan putih beberapa soalan yang dijawab dari pesanan Sister Oscarson, contohnya *Bagaimana kita dapat melibatkan remaja puteri dalam pekerjaan Tuhan?* Jemput ahli-ahli untuk mencari jawapan kepada soalan-soalan dalam pesanan dia dan berkongsi apa yang mereka pelajari. Apakah berkat-berkat yang datang apabila remaja puteri terlibat dalam pemeliharaan? Mungkin ahli-ahli kelas boleh berkongsi pengalaman-pengalaman di mana mereka telah lakukan pelayan bersama remaja puteri? Menurut perbincangan kita, apakah yang anda terilham untuk bertindak?

Dale G. Renlund, *"Sejarah Keluarga dan Pekerjaan Bait Suci: Pemetaraan dan Penyembuhan,"* 46–49

Elder Renlund berbicara tentang penglihatan Yehezkiel mengenai satu bait suci dengan air yang memancar keluar darinya. (Lihat Yehezkiel 47:8–9). Mungkin seorang ahli kuorum atau Lembaga Pertolongan boleh melukis penglihatan tersebut pada papan putih. Bagaimana berkat-berkat pekerjaan bait suci dan sejarah keluarga seperti air dalam penglihatan Yehezkiel? Anda boleh menjemput ahli-ahli kelas untuk berkongsi berkat-berkat pekerjaan kerja bait suci dan sejarah keluarga yang mereka terima. Apakah kita boleh lakukan untuk buat pekerjaan sejarah keluarga dan bait suci sebuah kebiasaan dalam hidup kita?

D. Todd Christofferson, *"Kuorum Penatua,"* 55–58

Dalam kuorum penatua, anda boleh menjemput ahli-ahli kuorum untuk membaca bahagian "Tujuan Penyesuaian-penyesuaian Ini." dalam pesanan Elder Christofferson. Apakah yang dapat kita lakukan untuk melaksanakan tujuan-tujuan ini? Dalam Lembaga Pertolongan, anda boleh meminta seseorang untuk meringkas perubahan-perubahan dalam kuorum Imam Melkisedek yang dijelaskan oleh Elder Christofferson. Kemudian para saudara dapat mengenal pasti asas-asas dalam perubahan-perubahan itu yang boleh digunakan pada pekerjaan Lembaga Pertolongan anda. Di kuorum penatua dan Lembaga Pertolongan, ahli-ahli boleh berbincang pembelajaran daripada cerita Brother Goates dan bagaimana ia berguna dalam usaha mereka?



Ronald A. Rasband, *"Lihat! Tentera Kerajaan,"* 58–61

Nyanyi, dengar atau membaca kata-kata dalam lagu "Lihat! Tentera Kerajaan" (*Lagu Rohani*, no. 120) bersama boleh menggalakkan perbincangan tentang pesanan Elder Rasband. Bagaimana kuorum-kuorum imam dan Lembaga-lembaga Pertolongan seperti tentera kerajaan? Ahli-ahli juga boleh mencari dan berbincang "banyak berkat" yang Elder Rasband katakan akan datang dari penstruktur semula kuorum-kuorum imam. Apakah berkat-berkat lain kita telah menerima—atau kita harap menerima—dari melaksanakan perubahan-perubahan ini? Bagaimana Lembaga-lembaga Pertolongan juga menerima berkat-berkat dengan lebih banyak seperti "kepelbagaian kurnia" "membimbing"?

Henry B. Eyring, *"Layanan Terilham,"* 61–64

Presiden Eyring memberitahu dua pesanan pertemuan sakramen mengenai pelayan yang menarik perhatiannya. Anda mungkin boleh meminta setengah ahli-ahli kuorum dan Lembaga Pertolongan untuk mengkaji semula kata-kata budak lelaki berumur 14 tahun dan ahli-ahli selebihnya untuk mengkaji semula cerita tentang pengajar keluarga. Apabila mereka membaca, ahli-ahli boleh fikiran nasihat-nasihat mereka boleh berikan kepada remaja putera atau remaja puteri yang baru ditugaskan untuk melayan seseorang. Bagaimana kita boleh "menjadi lebih terilham dan bermurah hati dalam layanan . . . kita"?

Dallin H. Oaks, *"Kuasa-kuasa Imamat,"* 65–68

Untuk mula perbincangan, anda boleh menulis tajuk-tajuk empat bahagian pesanan Presiden Oak pada papan putih. Kemudian, menjemput setiap ahli membaca satu bahagian secara senyap dan kemudian menulis satu ayat yang merumuskan pesanan utama bahagian itu. Barulah, ahli-ahli dapat berkongsi apa yang mereka terilham untuk lakukan dari pembacaan itu. Bagaimana pelayan kita sebagai pemegang imam atau saudara Lembaga Pertolongan dapat maju jika menggunakan ajaran-ajaran dalam pesanan Presiden Oak?

Russell M. Nelson, *"Pemeliharaan dengan Kuasa dan Wewenang Tuhan,"* 68–75

Presiden Nelson menjemput para pemegang imam untuk "berdiri" dan gunakan imam untuk memberkati anak-anak Bapa Syurgawi. Jemput ahli-ahli kuorum anda atau Lembaga Pertolongan untuk mencari contoh-contoh dia berikan dan bincang bagaimana mereka membantu kita memahami cara imam mereka dan yang lain. Apakah pengalaman-pengalaman kita boleh berkongsi setelah diberkati oleh kuasa imam? Bagaimana kita boleh membantu orang lain atau diri kita memperoleh iman untuk menggunakan imam Tuhan untuk "melayan dalam nama-Nya?"

Corak Mesyuarat Kita

- 1. Berkongsi pengalaman** mengenai tindakan anda pada ilham-ilham dan undangan-undangan yang diterima di mesyuarat imam dan Lembaga Pertolongan yang lepas (dipimpin oleh ahli presidensi).
- 2. Belajar bersama** (dipimpin oleh dipanggil pengajar). Adalah lebih baik untuk mengundang ahli-ahli untuk:
 - a. Cari sesuatu dalam pesanan-pesanan (seperti jawapan pada soalan, petikan yang berilham atau suatu contoh asas injil).
 - b. Kongsi dan bincang hasil carian mereka.
 - c. Pertimbangkan bagaimana pesanan itu dapat berkait dengan hidup dan pengalaman mereka.
- 3. Merancang untuk bertindak** sebagai individu atau sekumpulan (dipimpin oleh seorang ahli presidensi).



Reyna I. Aburto, *"Dengan Sehati,"* 78–80

Pesanan Sister Aburto memberi peluang bagi kuorum atau Lembaga Pertolongan untuk menilai usaha kesatuan anda dalam pekerjaan Tuhan. Untuk membantu ahli-ahli lakukan ini, anda boleh menunjukkan gambar-gambar rama-rama Monarch, kunjungan Juruselamat kepada bangsa Nefti (lihat *Buku Seni Injil*, 82, 83, 84), dan pekerjaan kemanusiaan Gereja (lihat LDS.org). Ahli-ahli boleh membaca pesanan itu dan mengetahui bagaimana Sister Aburto gunakan contoh-contoh itu untuk mengajar tujuan-tujuan dan berkat-berkat bekerja dalam kesatuan. Apa yang kita boleh lakukan untuk bekerja "dengan sehati"?

Henry B. Eyring, *"Roh-Nya Bersama Mu,"* 86–89

Untuk meningkat keinginan dan keupayaan kita menerima Roh Kudus, President Eyring berkongsi beberapa pengalaman peribadi dan arahan tertentu. Selepas mengkaji pengalamannya, apakah kenangan yang sama boleh para ahli kuorum dan Lembaga Pertolongan kongsi bila Roh Kudus menyentuh hati mereka atau mengesah kebenaran? Ahli-ahli boleh menyenarai pada papan putih bimbingan yang dikongsi oleh President Eyring untuk membantu "membuka hati kita supaya menerima pelayanan Roh." Bagaimanakah dengan mengikut arahannya, dapat membantu hidup kita dan keluarga kita? Dan juga di kuorum dan Lembaga Pertolongan?

Dallin H. Oaks, *"Hal-hal yang Kecil dan Sederhana,"* 89–92

Pesanan Presiden Oak mengandungi metafora yang mengajar bagaimana hal-hal yang kecil dan sederhana boleh mempunyai kesan baik dan buruk yang besar. Metafora-metafora ini termasuk akar pokok, sepasukan pendayung, serat-serat tali, dan titisan air. Ahli-ahli boleh membaca metafora-metafora ini dan bincangkan apa yang diajar mengenai kuasa dalam melakukan hal-hal kecil dan sederhana secara konsisten. Apakah hal-hal kecil dan sederhana yang mendatangkan pengaruh Roh Kudus ke dalam hidup kita? Jemput ahli-ahli untuk merenungkan apakah yang mereka perlu lakukan untuk mengikut nasihat Presiden Oak.

Russell M. Nelson, *"Wahyu untuk Gereja, Wahyu untuk Kehidupan Kita,"* 93–96

Dalam pesanan ini, Presiden Nelson merayu kepada kita untuk "meningkatkan kemampuan

rohani kita untuk menerima wahyu." Untuk membantu ahli-ahli mengikut arahannya, anda boleh menulis soalan-soalan berikut pada papan putih: Kenapa kita perlukan wahyu? Bagaimana kita meningkat keupayaan untuk menerima wahyu—secara individu dan dalam perbincangan bersama? Apakah berkat-berkat Presiden Belson janjikan jika kita akan mencari wahyu? Bahagikan ahli-ahli ke dalam kumpulan, dan menjemput setiap kumpulan untuk mencari and kongsi jawapan bagi salah satu soalan.

Gerrit W. Gong, *"Hari Ini Kristus Bangkit,"* 97–98

Apakah ahli-ahli dalam kuorum atau Lembaga Pertolongan anda belajar daripada pesanan Elder Gong tentang perjanjian-perjanjian kita dan Korban Tebusan Yesus Kristus? Anda boleh jemput ahli-ahli untuk mencari berkat-berkat Korban Tebusan dan perjanjian kita—bersama-sama—memberi kita. Kemudian menanya soalan-soalan berikut seperti ditemui: Bagaimana perjanjian kita dan Korban Tebusan bersama-sama "memuliakan" kita? Apakah mereka menolong kita bertahan dan melepaskan?

Ulisses Soares, *"Nabi-nabi Berbicara Melalui Kuasa Roh Kudus,"* 98–99

Pesanan Elder Soares mengilhamkan kita untuk bertindak dalam iman apabila merasa tidak layak melakukan kehendak Tuhan. Bagaimanakah Elder Soares menerima keyakinan yang menyenangkan apabila di terima panggilan baru sebagai seorang Rasul? Apa yang dia belajar dari pengalamannya ketika dipanggil sebagai presiden misi? Apakah yang boleh kita belajar dari pengalamannya? Berikan masa bagi ahli-ahli berkongsi pengalaman apabila mereka tidak pasti apa yang Tuhan mahu mereka lakukan. Apakah mereka lakukan untuk memperoleh iman untuk terus maju?

Jeffrey R. Holland, *"Berada Bersama dan Menguatkan Mereka,"* 101–3

Apabila ahli-ahli kuorum anda atau Lembaga Pertolongan belajar tentang perubahan-perubahan dalam "konsep pemeliharaan imam dan Lembaga Pertolongan," apakah pertanyaan yang mereka ada? Pesanan Elder Holland mempunyai jawapan-jawapan. Ahli-ahli boleh mencari asas-asas injil yang merupakan dasar perubahan-perubahan dalam pengajaran Elder Holland. Apakah jemputan yang terdapat dalam pesanan dia? Apakah berkat-berkat yang dijanjikan? Bagaimanakah cara-cara pelayanan

baru ini membantu kita menjadi “pengikut sejati Kristus”?

Jean B. Bingham, “*Melayan Seperti Juru-selamat*,” 104–7

Dalam pesannya, Sister Bingham menjemput kita untuk menanya diri kita pertanyaan yang dapat membimbing usaha pemeliharaan kita? Ahli-ahli boleh bincangkan bagaimana pertanyaan-pertanyaan ini boleh membimbing usaha mereka dan kemudian mencari jawapan kepada soalan Sister Bingham, “Jadi apakah contoh-contoh [pemeliharaan]?” Anda mungkin akan mengambil masa mengkaji semula beberapa contoh Sister Bingham tentang pelayan individu-individu dan menjemput para ahli mengongsi contoh-contoh diri mereka. Apa yang kita temui dalam pesanan Sister Bingham yang meningkat pemahaman kita mengenai tujuan dan cara kita memelihara?

Dieter F. Uchtdorf, “*Lihatlah Orang Ini*,” 107–10

Bagaimana kita akan menolong seseorang memahami bahawa korban tebusan dan Kebangkitan Yesus Kristus adalah peristiwa-peristiwa yang paling penting dalam sejarah dunia? Jemput ahli-ahli untuk merenungkan soalan ini ketika mereka membaca bahagian-bahagian dalam pesanan Elder Uchtdorf. Apakah mereka dapati yang akan membantu menjelaskan kenapa peristiwa-peristiwa ini adalah sangat penting kepada mereka? Selepas perbincangan, ahli-ahli kelas boleh bercakap tentang apa maknanya bagi mereka untuk “lihatlah orang ini.” Bagaimana kita belajar untuk “melihat orang ini”?

Quentin L. Cook, “*Bersedia untuk Mene-mui Tuhan*” 114–17

Anda boleh mulai perbincangan mengenai pesanan Elder Cook dengan menjemput seorang ahli meringkaskan pemulihan kunci-kunci imam di Bait suci Kirtland. Menurut pesanan Elder Cook, apakah tanggungjawab-tanggungjawab Gereja berkenaan pada kunci-kunci ini? Bagaimana kunci-kunci ini wujud dalam Gereja ini? Tuliskan perkataan *kesolehan*, *kesatuan*, dan *kesamaan* pada papan putih, dan minta ahli-ahli berkongsi idea yang mereka peroleh tentang setiap asas-asas ini daripada pesanan Elder Cook. Bagaimana asas-asas ini menolong kita memenuhi tanggungjawab-tanggungjawab kudus Gereja?



MESYUARAT

Hari Ahad Keempat

Pada Hari Ahad keempat setiap bulan, kuorum-kuorum penatua dan Lembaga Pertolongan membincangkan sebuah topik yang dipilih oleh Presidensi Utama dan Kuorum Dua Belas Rasul. Topik-topik Hari Ahad keempat akan dikemas kini selepas setiap persidangan umum. Mulai sekarang sehingga persidangan umum seterusnya, topik adalah “Memelihara Orang Lain.” Setiap bulan, para pemimpin dan pengajar boleh pilih untuk memimpin perbincangan salah satu asas berkenaan pemeliharaan yang berikut.

Untuk sumber-sumber tambahan untuk membantu perbincangan berkenaan pemeliharaan, lihat ministering.lds.org dan artikel “Asas-asas Pemeliharaan” pada terbitan-terbitan *Liahona* yang akan datang.

Apakah maksud untuk melayani?

Apa ertinya *pemeliharaan* bagi ahli-ahli di bahagian atau cabang anda? Untuk mencari jawapan, anda boleh tuliskan *Pemeliharaan* pada papan putih dan kemudian menjemput ahli-ahli menulis perkataan di sekelilingnya yang berkaitan dengan pemeliharaan. Para ahli boleh mencari perkataan atau frasa untuk menambah pada senarai dari ayat suci seperti berikut: Matius 25:34–40; Lukas 10:25–37; 2 Nefi 25:26; Mosia 18:8–9; 3 Nefi 18:25; dan Ajaran dan Perjanjian 81:5. Apakah yang kita boleh belajar dari ayat-ayat ini mengenai pemeliharaan? Anda

boleh meminta beberapa ahli untuk kongsi contoh-contoh pelayan mereka pernah lihat. Bagaimana pelayan kita membantu memenuhi keperluan rohani dan jasmani orang ramai? Bagaimanakah ia membantu orang ramai mendekati Kristus?

Juruselamat ialah teladan pelayan sempurna kita.

Untuk mempelajari cara melayan dengan berkesan, ahli-ahli boleh berkongsi cerita daripada tulisan suci dimana Juruselamat melayan orang lain—beberapa contoh ditemui di Yohanes 4–6 dan Markus 2:1–12.

Ahli-ahli boleh kongsi tanggapan mereka tentang cerita-cerita ini dan asas-asas mereka telah belajar tentang pelayanan. Contohnya, bagaimana Juruselamat menyesuaikan pelayanan-Nya kepada orang lain? Bagaimana dia memenuhi keperluan rohani dan jasmani orang ramai? Ahli-ahli kelas boleh berkongsi masa mereka telah melihat orang lain menggunakan asas-asas ini dalam pelayanan mereka.

Pelayanan di motivasi oleh kasih seperti Kristus.

Untuk mengetahui kuasa pelayan yang di motivasi oleh kasih seperti Kristus, anda boleh menuliskan ayat-ayat berikut pada papan putih dan menjemput ahli-ahli mencadangkan cara-cara untuk mengisi tempat kosong: *Ketika saya mengasih orang-orang yang saya melayan, saya ____ . Ketika saya melayan untuk sebab-sebab lain, saya ____.* Apakah yang dapat kita lakukan untuk memastikan pelayanan kita terhadap orang lain di motivasi oleh kasih seperti Kristus? Bagaimana kita mempunyai kasih seperti Kristus bagi mereka yang kita ditugaskan untuk melayan? (lihat Moroni 7:45–48). Mungkin ahli-ahli boleh berkongsi contoh-contoh pelayanan yang diilham oleh kasih seperti Kristus.

Tuhan inginkan semua anak-anak-Nya diawasi dan dijaga.

Presiden Russel M. Nelson berkata, "Satu ciri Gereja Tuhan yang sejati dan hidup adalah usaha yang teratur dan diarahkan untuk melayani setiap anak Tuhan dan keluarga mereka". (Melayan dengan Kuasa dan Wewenang Tuhan," *Liahona*, Mei 2018, 69.). Apa yang Presiden Nelson ajarkan adalah cara-cara "teratur dan diarahkan" dimana gereja membantu kita menjaga individu dengan lebih baik? Mengapa usaha-usaha ini "satu ciri Gereja Tuhan yang sejati dan hidup"? (lihat Mosia 18:21–22 dan Moroni 6:4–6 untuk idea-idea). Apakah berkat-berkat yang telah datang ke dalam hidup kita atau orang lain kerana mereka melayani dalam panggilan ataupun tugas Gereja?

Nilai jiwa-jiwa adalah sangat besar di pandangan Tuhan.

Pengalaman-pengalaman putera-putera Mosia menunjukkan bahawa cara kita lihat orang ramai mempengaruhi cara kita melayani mereka. Anda boleh tuliskan pada papan putih *Bagaimana bangsa Nefti melihat bangsa Laman dan Bagaimana putera-putera Mosia melihat*

bangsa Laman. Kemudian jemput ahli-ahli membuka di kitab Mosia 28:1–3 dan Alma 26:23–26 untuk cari perkataan dan frasa-frasa untuk tulis di bawah setiap pernyataan. Apakah perbandingan ini mengajar tentang cara kita lihat orang ramai mempengaruhi cara kita melayani mereka? Bagaimana kita boleh belajar melihat orang ramai sepertimana Tuhan melihat? (lihat A&P 18:10–16).

Pelayan sejati menumpu pada keperluan orang lain.

Untuk membantu ahli-ahli memahami kepentingan untuk menumpu pada keperluan orang lain semasa kita melayan, anda boleh bandingkan pelayanan kepada pemberian dan penerimaan hadiah. Pernahkah kita menerima suatu hadiah yang bermakna daripada seseorang yang mengetahui keperluan atau keinginan kita? Bagaimanakah pelayanan sama seperti memberi suatu hadiah yang bermakna? Anda boleh berbincang cerita-cerita dari persidangan umum baru-baru ini yang menunjukkan bagaimana orang melayan mengikut keperluan orang lain (lihat, contoh, Jean B. Bingham, "Melayan Seperti Kristus," *Liahona*, Mei 2018). Ahli-ahli juga boleh kongsi cerita-cerita lain yang menunjukkan asas ini.

Bagaimana kita boleh mengetahui keperluan orang lain? Jemput setiap ahli untuk buat satu senarai orang-orang yang mereka melayan. Di tepi setiap nama itu, mereka boleh tuliskan jawapan pada soalan "Apakah orang ini perlukan untuk mendekati Kristus?" Sekiranya sesuai, galakkan ahli-ahli untuk menulis tatacara-tatacara setiap orang perlu terima. Jemput ahli-ahli untuk teruskan berfikir tentang soalan ini dan mencari ilham untuk membantu mereka memenuhi keperluan orang lain.

Tuhan inginkan kita menerima pelayanan daripada orang lain.

Elder Robert D. Hales berkata: "Rancangan injil memerlukan pemberian dan penerimaan. . . . Individu-individu dalam kesusahan sering berkata: 'Aku akan lakukan sendiri,' . . . 'Aku boleh jaga diri sendiri.' Ini pernah dikatakan bahawa tiada seorang yang sangat kaya tidak perlu bantuan orang lain, tiada seorang pun yang sangat miskin yang tidak dapat menjadi berguna kepada orang lain. Kehendakan untuk meminta pertolongan daripada orang lain dengan keyakinan dan menerima pertolongan dengan baik hati haruslah menjadi sebahagian

sifat kita" ("We Can't Do It Alone," *Ensign*, Nov. 1975, 91, 93). Mengapa kita kadang-kadang teragak-agak untuk menerima pertolongan daripada orang lain? Bagaimana kerelaan kita untuk menerima pertolongan memberkati mereka yang melayan kita? Berikan ahli-ahli masa untuk merenungkan cara-cara yang mereka menjadi lebih terbuka untuk menerima pelayanan daripada orang lain. Apa yang 1 Korintus 12:13–21 mencadangkan tentang kenapa kita perlukan satu sama lain?

Terdapat banyak cara untuk kita melayan orang lain.

Untuk membantu ahli-ahli mempertimbangkan banyak cara kita boleh melayan satu sama lain, anda boleh menjemput mereka untuk mengkaji semula pesanan Elder Jeffery R. Holland "Berada Bersama dan Menguatkan Mereka" (*Liahona*, Mei 2018, 101–3; lihat juga "Asas-asas Pemeliharaan" pada terbitan-terbitan *Liahona* yang akan datang). Ahli-ahli boleh dibahagikan ke dalam kumpulan kecil, dan setiap kumpulan boleh fikirkan beberapa senario dimana seseorang perlukan pertolongan. Kemudian mereka boleh bincangkan pelbagai cara orang dapat melayan terhadap keperluan-keperluan rohani dan jasmani para individu dalam senario itu. Minta kumpulan-kumpulan berkongsi idea dan merenungkan adakah sebarang idea yang telah dibincang dapat memberkati orang yang mereka melayan.



GEREJA
YESUS KRISTUS
ORANG SUCI
ZAMAN AKHIR